




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# *Laporan Peperiksaan STPM 2018*

## *Syariah (930)*





# *Laporan Peperiksaan STPM 2018*

## *Syariah* (930)



**SASBADI SDN. BHD.** (139288-X)  
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))  
PETALING JAYA



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

*Diterbitkan oleh*

Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X),  
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))  
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6145 1188  
Faks: +603-6145 1199  
Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com)  
e-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)

Majlis Peperiksaan Malaysia,  
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

© Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-77-1298-0

# KANDUNGAN

Syariah (930/1) .....	<i>1 – 7</i>
Syariah (930/2) .....	<i>8 – 12</i>
Syariah (930/3) .....	<i>13 – 17</i>

# SYARIAH (930/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 2 295 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.84% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.28	7.06	8.50	9.32	10.54	14.03	9.11	8.67	9.32	5.05	8.10

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu kertas soalan Syariah 1 adalah baik dan mencapai tahap kesesuaian calon di peringkat STPM. Soalan-soalan yang dikemukakan merangkumi aspek pengetahuan, pemahaman, kemahiran berfikir, aplikasi dan analisis. Ia meliputi aras yang mudah, sederhana dan sukar serta memenuhi tahap soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Ini membolehkan penilaian dibuat bagi melihat perbezaan antara calon yang baik, sederhana dan lemah.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Muamalat dan Munakahat

### Soalan 1

**Soalan 1(a)** menghendaki calon memberikan pengertian jual beli, dalil dan dua hikmahnya. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan ini dan mendapat markah penuh. Namun, terdapat segelintir calon tidak dapat memberikan dalil jual beli. Jawapan yang sepatutnya adalah:

Pengertian	Menukar harta dengan harta mengikut cara-cara tertentu.
Dalil	وأحل الله البيع وحرم الربا
Dua hikmah	(i) Saling bantu-membantu dan tolong-menolong. (ii) Mengelakkan perlakuan buruk seperti merampas.

**Soalan 1(b)** menghendaki calon menjelaskan empat faktor yang menyebabkan sesuatu jual beli itu menjadi tidak sah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun ada segelintir calon tidak dapat membezakan antara jual beli yang tidak sah dengan jual beli yang haram atau batal. Selain itu, ada juga calon yang hanya memberikan fakta tanpa memberikan huraian atau dalil atau contoh. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- (i) Jual beli yang ada unsur *gharar* seperti menjual buah yang belum masak di atas pokok
- (ii) Jual beli yang bersyarat seperti meletakkan sesuatu syarat yang bercanggah dengan syarak di dalam akad
- (iii) Menjual barangan yang *majhul* seperti menjual benih haiwan
- (iv) Menjual barang kepunyaan orang lain tanpa izin pemiliknya

**Soalan 1(c)** menghendaki calon membincangkan pelaksanaan *bay' fuduli* berdasarkan pandangan fuqaha. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun, terdapat sebahagian calon yang hanya menyatakan satu sahaja pandangan fuqaha dan ada juga calon yang tidak memahami apa itu *bay' fuduli*. Selain itu, sebahagian calon tidak menyatakan pandangan atau kesimpulan dari perbincangan fuqaha. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah:

Mazhab Maliki dan Hanafi	Sah sekiranya mendapat persetujuan pemilik barang dan tidak sah atau batal sekiranya tidak mendapat persetujuan pemiliknya.
Mazhab Shafi'i dan Hanbali	Tidak sah atau batal walaupun mendapat persetujuan pemiliknya selepas itu.
Kesimpulan/Pendapat calon	(Calon membuat rumusan perbincangan fuqaha)

## Soalan 2

**Soalan 2(a)** menghendaki calon menerangkan maksud pernyataan perkongsian modal dan kerja dalam ayat yang telah diberikan. Majoriti calon hanya menyatakan perkongsian antara dua pihak sahaja tanpa menerangkan maksud modal dan kerja. Jawapan yang sepatutnya ialah perkongsian dua pihak, di mana satu pihak mengeluarkan modal dalam bentuk harta seperti wang, dan satu pihak lagi melaksanakan aktiviti perniagaan seperti membuat baju.

**Soalan 2(b)** menghendaki calon membezakan antara syarikat *abdan* dengan *mufawadah* dari sudut konsep dan hukum. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat juga calon yang hanya mengemukakan satu hukum sahaja bagi kedua-dua jenis syarikat berkenaan. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah:

	Syarikat <i>Abdan</i>	Syarikat <i>Mufawadah</i>
Konsep	Perkongsian dua orang atau lebih pada sesuatu pekerjaan, sama ada pekerjaan yang sama atau berlainan, keuntungan dibahagikan sama rata atau mengikut persetujuan	Perkongsian dua orang atau lebih untuk bekerjasama dalam sesuatu perniagaan berdasarkan persamaan antara ahli syarikat dalam semua aspek iaitu modal, agama dan pembahagian keuntungan dan tanggungan hutang
Hukum	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Shafi'iyah dan Zahiriyah: Tidak sah</li> <li>• Hanafiyah, Malikiyah dan Hanabilah atau jumur: Sah/harus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Shafi'iyah, Hanabilah dan Zahiriyah: Tidak sah</li> <li>• Hanafiyah dan Malikiyah: Sah/harus</li> </ul>

**Soalan 2(c)** menghendaki calon menilai pelaburan bagi kes yang dinyatakan berdasarkan rukun dan syarat *mudarabah* dari perspektif pelaburan Islam. Majoriti calon kurang memahami kehendak soalan. Soalan meminta calon menilai kes berkenaan sama ada bercanggah atau tidak dengan konsep *mudarabah* atau

pelaburan dalam Islam dengan memberi penekanan kepada rukun dan syarat *mudarabah*. Kebanyakan calon hanya menyatakan hukum sahaja sama ada sah atau tidak sah tanpa membuat penilaian. Terdapat juga calon yang menyatakan rukun dan syarat *mudarabah* tanpa menghubungkaitkan dengan kes yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- i. Tawaran kepada siapa sahaja - Jika ia menerima semua pihak tanpa mengira umur, maka ia adalah bercanggah dengan syarat pemodal yang mestilah berkeahlian.
- ii. Kerja atau perusahaan baja organik tahi kambing adalah tidak bercanggah kerana ia diharuskan atas manfaatnya kepada pertanian.
- iii. Pengiraan keuntungan 40% daripada modal adalah bercanggah di mana sepatutnya peratus daripada untung.
- iv. Mensyaratkan pemodal turut bekerja juga adalah bercanggah dengan syarat asal iaitu pemodal hanya mengeluarkan modal sahaja.

Kesimpulan: Pelaburan tersebut bercanggah dengan konsep *mudarabah* dari aspek kelayakan pemodal, kaedah pengiraan untung serta syarat pemodal bekerja. Oleh itu, pelaburan atau *mudarabah* tersebut tidak sah dan terbatal.

### Soalan 3

**Soalan 3(a)** menghendaki calon menerangkan empat keadaan haram menjatuhkan talak. Hampir kesemua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik dan mendapat markah penuh. Namun ada juga segelintir calon yang tidak dapat membezakan antara keadaan yang haram dengan tidak sah. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- i. Isteri diceraikan ketika dalam haid
- ii. Isteri diceraikan ketika dalam nifas
- iii. Isteri diceraikan ketika dalam suci yang telah disetubuhi
- iv. Talak isteri yang belum sempurna giliran

**Soalan 3(b)** menghendaki calon membezakan antara talak dengan *fasakh*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka menyamai kehendak soalan iaitu:

Talak	Fasakh
Kuasa suami menceraikan isteri	Suami dan isteri berhak menuntut <i>fasakh</i>
Talak <i>raj'i</i> boleh dirujuk dalam tempoh <i>iddah</i>	Tidak boleh dirujuk dalam tempoh <i>iddah</i> tetapi memerlukan akad baru
Mengurangkan bilangan talak	Tidak mengurangkan bilangan talak
Isteri berhak mendapat <i>mut'ah</i>	Isteri tidak berhak mendapat <i>mut'ah</i>
Isteri yang ditalak <i>raj'i</i> berhak mendapat nafkah semasa <i>iddah</i>	Isteri tidak berhak mendapat nafkah semasa <i>iddah</i> kecuali tempat tinggal sahaja

**Soalan 3(c)** menghendaki calon membincangkan kebaikan dan kelemahan peruntukan Seksyen 55A dan Seksyen 124 Akta 303 berkenaan dengan arahan supaya melaporkan perceraian di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah bagi mendapat pengesahan; dan menjadi satu kesalahan serta boleh didenda jika menceraikan isteri di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah. Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun sebahagian lagi calon hanya menyatakan kebaikan dan kelemahan perceraian di luar mahkamah tanpa menghubungkaitkan dengan peruntukan undang-



undang. Selain itu, majoriti calon tidak menyatakan pandangannya atau kesimpulan dari perbincangan berkenaan. Jawapan yang sepatutnya adalah:

Kebaikan	Kelemahan
Pengesahan lafaz cerai sama ada sah atau tidak dapat diputuskan oleh mahkamah	Mengaibkan pasangan kerana perceraian diketahui umum
Perceraian dapat direkodkan di mana bilangan talak yang telah dilafazkan suami direkodkan	Melambatkan proses perceraian kerana perlu melalui prosedur mahkamah
Menjaga kepentingan isteri dan anak-anak tentang kedudukan perkahwinan dan tuntutan yang boleh dibuat oleh mereka	Hukuman denda yang dikenakan akan membebankan golongan miskin yang bercerai di luar mahkamah
Mengawal perceraian berlaku secara tidak berhemah	Perceraian di luar mahkamah akan dikenakan denda walaupun sah dari segi syarak
Mempermudahkan urusan tuntutan selepas perceraian di mahkamah seperti tuntutan nafkah dan sebagainya	Perlu ke mahkamah semula untuk merujuk isteri

Kesimpulan / pandangan calon

## BAHAGIAN B: *Mirath dan Jenayah*

### Soalan 4

**Soalan 4(a)** menghendaki calon menerangkan empat liabiliti dalam harta pusaka. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan calon menyamai kehendak soalan iaitu:

- i. Perbelanjaan pengurusan jenazah
- ii. Pelunasan hutang
- iii. Penyelesaian tuntutan harta sepencarian
- iv. Pelaksanaan wasiat
- v. Pembahagian harta pusaka

**Soalan 4(b)** menghendaki calon menjelaskan cara permohonan Sijil Faraid di Mahkamah Syariah. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon menjelaskan jenis-jenis harta pusaka iaitu harta pusaka kecil, harta pusaka besar dan harta pusaka ringkas. Selain itu, sebahagian lagi calon menjelaskan keperluan Sijil Faraid dan bukannya proses atau cara permohonan Sijil Faraid. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah:

- i. Pemohon mengambil borang di Mahkamah Syariah dan melengkapkan borang permohonan berkenaan.
- ii. Permohonan boleh didaftarkan di mahkamah oleh waris atau wakil atau mana-mana pihak yang berkepentingan.
- iii. Permohonan Sijil Faraid hendaklah didaftarkan mengikut tempat pemastautinan pemohon.
- iv. Dalam kes pemohon bukan pemastautin di mana-mana negeri, permohonan bolehlah dibuat di mana-mana negeri yang terdapat apa-apa harta si mati.
- v. Semasa membuat permohonan Sijil Faraid, pemohon perlu mengemukakan beberapa dokumen seperti kad pengenalan, sijil nikah, sijil kematian dan lain-lain.



- vi. Mahkamah akan panggil bicara pemohon sahaja dengan membawa dokumen asal.
- vii. Proses penentuan waris dan bahagian dilakukan oleh mahkamah.
- viii. Pemohon boleh mengambil Sijil Faraid dengan bayaran tertentu.

**Soalan 4(c)** menghendaki calon menghuraikan pembahagian harta pusaka kepada waris-waris si mati iaitu seorang isteri, dua orang anak perempuan, tiga orang saudara perempuan seibu sebapa dan seorang saudara lelaki sebapa. Jawapan majoriti calon tidak menepati kehendak soalan, di mana mereka hanya menyatakan asal masalah dan bahagian setiap waris tanpa menghuraikannya. Jawapan yang sepatutnya adalah:

Waris	Fardu	Asal masalah	Saham	Huraian
Seorang isteri	Satu per lapan	24	Tiga	Si mati ada anak perempuan
Tiga orang anak perempuan	Dua per tiga		16	Ada dua orang anak perempuan tanpa anak lelaki
Tiga orang saudara perempuan seibu sebapa	<i>Asabah</i>		Lima	Ada anak perempuan dan tiada saudara lelaki
Seorang saudara lelaki sebapa	<i>Mahjub</i>		–	Dihijab oleh saudara perempuan seibu sebapa yang mendapat asabah

### Soalan 5

**Soalan 5(a)** menghendaki calon menerangkan maksud halangan pewarisan berserta **dua** contoh. Majoriti calon terkeliru antara halangan pewarisan dengan konsep *al-hajb* (pendindingan). Justeru, jawapan mereka tersasar daripada kehendak soalan. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah:

Maksud halangan pewarisan	Seseorang waris yang telah memenuhi rukun, sebab dan syarat pewarisan terhalang daripada mendapat harta pusaka kerana ada salah satu daripada halangan pewarisan
Contoh	(i) Pembunuhan (ii) Perhambaan (iii) Berlainan agama (iv) Murtad

**Soalan 5(b)** menghendaki calon menjelaskan pandangan ulama mengenai pembayaran hutang si mati dengan Allah SWT dan pembayaran hutang si mati sesama manusia dengan menggunakan harta pusaka. Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan baik. Mereka hanya menyatakan hutang wajib dibayar dengan menggunakan harta pusaka si mati tanpa menjelaskan pandangan ulama atau membezakan antara hutang Allah SWT dengan hutang manusia. Selain itu, terdapat juga calon yang salah menentukan nama mazhab dan pandangan mazhab. Jawapan yang sepatutnya adalah:

- i. Sepakat ulama mengatakan hutang sesama manusia wajib dibayar.
- ii. Ulama berselisih pandangan mengenai pelunasan hutang dengan Allah SWT iaitu:
  - Mazhab Hanafi: Tidak perlu bayar bahkan ianya gugur disebabkan kematian, kecuali si mati berwasiat.
  - Jumahur ulama: Wajib bayar menggunakan harta pusaka si mati.

iii. Jumah ulama berselisih pula tentang hutang yang mana perlu didahulukan:

- Mazhab Shafi'i dan Ibn Hazm: Hutang dengan Allah SWT perlu didahulukan pembayarannya.
- Mazhab Maliki: Hutang sesama manusia perlu didahulukan pembayarannya.
- Mazhab Hanbali: Hutang dengan Allah SWT dan manusia mempunyai kedudukan yang sama.

**Soalan 5(c)** menghendaki calon menyelesaikan kes pembahagian harta pusaka. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun terdapat segelintir calon yang tidak dapat mencari asal masalah yang tepat bagi kedua-dua kes berkenaan. Jawapan yang sepatutnya adalah:

(i)	Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
	Ibu	Satu per enam	Enam	Satu
	Empat orang anak perempuan	Dua per tiga		Empat
	Dua orang saudara perempuan seibu sebapa	<i>Asabah</i>		Satu
(ii)	Waris	Fardu	Asal Masalah	Saham
	Suami	Satu per dua	Enam	Tiga
	Ibu	Satu per tiga		Dua
	Bapa kepada bapa (datuk)	<i>Asabah</i>		Satu

## Soalan 6

**Soalan 6(a)** menghendaki calon menerangkan dua perbezaan antara hudud dengan *ta'zir*. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan mereka menyamai kehendak soalan, iaitu:

Hudud	<i>Ta'zir</i>
Hak Allah	Hak Allah dan manusia
Penetapan kadar hukuman ditentukan oleh Allah	Kadar hukuman ditetapkan oleh pemerintah
Jenis hukuman ditentukan oleh Allah	Jenis hukuman ditetapkan oleh pemerintah
Contoh: mencuri	Contoh: rasuah

**Soalan 6(b)** menghendaki calon menjelaskan pandangan fuqaha mengenai hukuman buang daerah bagi kesalahan zina yang bukan *muhsan*. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka hanya sekadar menyatakan bahawa hukuman buang daerah adalah perlu bagi memberi kesedaran kepada penzina. Selain itu, terdapat juga calon yang hanya menyatakan hukum buang daerah kepada penzina bukan *muhsan* sama ada wajib atau tidak wajib tanpa menyatakan alasan. Jawapan yang sepatutnya adalah:

Abu Hanifah	Tidak wajib kerana ia bukan termasuk dalam hudud tetapi <i>ta'zir</i> .
Jumah ulama	Wajib dikenakan bersama dengan sebatan kerana ia termasuk dalam kategori hudud.

**Soalan 6(c)** menghendaki calon membincangkan proses dan hukuman di mana seorang suami telah mendakwa dan menuduh isterinya di mahkamah bahawa isterinya telah berzina. Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sebahagian calon menyatakan bahawa suami akan dikenakan hukuman *qazaf* dan sebahagian lagi hanya menerangkan proses sabitan bagi kes zina. Sedangkan jawapan yang sepatutnya adalah:

- i. Suami yang menuduh isteri melakukan zina mesti mendatangkan bukti/saksi.
- ii. Jika gagal, suami akan dikenakan had *qazaf* iaitu 80 kali sebatan.
- iii. Hak *qazaf* akan gugur sekiranya suami bersumpah *li'an* iaitu 4 kali sumpah dan yang kelima sumpah laknat.
- iv. Tuduhan suami akan sabit sekiranya isteri tidak mahu bersumpah maka isteri dikenakan hukuman hudud iaitu rejam sampai mati.
- v. Had zina terhadap isteri akan gugur sekiranya isteri bersumpah *li'an* juga iaitu 4 kali dan kali yang kelima laknat Allah ke atasnya sekiranya ia berbohong.
- vi. Dalam keadaan kedua-duanya bersumpah, maka ikatan mereka akan terputus buat selama-selamanya.
- vii. Rumusan/kesimpulan/pandangan calon.

# SYARIAH (930/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 2 281 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.55% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	11.35	8.11	10.96	8.77	8.37	10.96	9.03	7.06	7.41	5.09	12.89

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhan mutu soalan tahun ini adalah baik. Soalan yang dikemukakan sesuai untuk menilai calon kerana merangkumi pengujian tahap pengetahuan, pemahaman, aplikasi, dan analisis.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Usul Fiqh

### Soalan 1

**Soalan 1(a)** menghendaki calon menerangkan **tiga** bahagian hadis dari aspek kesahihannya. Sebahagian besar calon dapat menjawab dengan tepat. Terdapat sebahagian kecil calon sahaja yang terkeliru dengan memberikan jawapan bahagian hadis dari sudut bilangan perawi dengan memberikan jawapan hadis *mutawatir*, hadis *masyhur*, dan hadis *ahad*. Jawapan sepatutnya ialah hadis *sahih*, hadis *hasan*, dan hadis *dhaif*.

**Soalan 1(b)** meminta calon menjelaskan **tiga** peranan al-Sunnah dalam penentuan hukum berserta contoh. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan dengan betul berkaitan peranan al-Sunnah dalam penentuan hukum, namun sebahagian daripada calon tidak dapat memberikan contoh yang tepat atau memberikan contoh yang terlalu ringkas bagi peranan yang dinyatakan. Soalan ini memerlukan calon mengingat fakta dan contoh yang bersesuaian dengan peranan al-Sunnah. Antara jawapan yang kurang tepat diberikan oleh sebahagian kecil calon ialah al-Sunnah menjadi sumber rujukan yang kedua selepas al-Quran, al-Sunnah digunakan oleh mujtahid dalam mengeluarkan hukum. Terdapat juga calon yang memberikan contoh yang salah dengan peranan al-Sunnah. Antara jawapan yang tepat ialah al-Sunnah sebagai pengukuh hukum al-Quran berserta contoh, al-Sunnah sebagai penjelas al-Quran berserta contoh, dan al-Sunnah sebagai penentu hukum baharu berserta contoh.

**Soalan 1(c)** menghendaki calon membincangkan kedudukan al-Sunnah sebagai sumber hukum melalui nas-nas seperti yang berikut:

- i. أطيعوا الله وأطيعوا الرسول
- ii. فإن تنزعتم في شيء فردوه إلى الله والرسول
- iii. عليكم بسنتي وسنة الخلفاء الراشدين المهديين

Terdapat sebahagian calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat sebagaimana kehendak skema pemarkahan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang berulang bagi setiap nas yang dikemukakan iaitu al-Sunnah merupakan sumber hukum yang kedua selepas al-Quran. Jawapan yang dikehendaki bagi soalan ini ialah calon perlu memberi terjemahan setiap nas ataupun menerangkan kedudukan al-Sunnah iaitu sebagai sumber hukum yang kedua selepas al-Quran, wajib beramal dengan al-Sunnah dan menjadi kufur bagi sesiapa yang menolak al-Sunnah.

## Soalan 2

**Soalan 2(a)** menghendaki calon menerangkan **tiga** bahagian *sadd al-dhari'ah* berserta contoh. Kebanyakan calon yang sederhana dan cemerlang dapat memberikan bahagian *sadd al-dhari'ah* dan contoh dengan tepat. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil calon yang memberikan jawapan kurang tepat berkaitan bahagian *sadd al-dhari'ah* dengan memberikan jawapan seperti *muqaddimah*, *wasail* dan sebagainya. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan tepat dari segi bahagian, tetapi memberikan contoh yang salah bagi setiap bahagian. Antara jawapan yang tepat ialah perbuatan yang harus tetapi pasti membawa *mafsadah* seperti menggali telaga di hadapan pintu pada waktu malam yang gelap, perbuatan yang harus tetapi jarang membawa *mafsadah* seperti menggali perigi di tempat yang jarang dilalui oleh orang ramai, perbuatan yang harus tetapi biasanya membawa *mafsadah* seperti menjual anggur kepada peniaga arak.

**Soalan 2(b)** meminta calon menghuraikan **tiga** dalil daripada mazhab Maliki yang menerima *sadd al-dhari'ah* sebagai sumber hukum. Hanya sebahagian kecil calon sahaja berjaya menjawab dengan tepat. Kebanyakan calon tidak mampu memberikan tiga dalil seperti kehendak soalan. Calon juga mungkin terkeliru dengan kehendak soalan yang meminta dalil daripada mazhab Maliki menyebabkan sebahagian kecil calon langsung tidak memberikan sebarang jawapan. Jawapan sepatutnya diberikan oleh calon adalah sama ada dalil al-Quran seperti *ولا تسبوا الذين يدعون من دون الله فيسبوا الله عدوا بغير علم* atau dalil dari al-Sunnah seperti *دعه لا يتحدث الناس أن محمد يقتل أصحابه* atau dalil ijmak dan dalil akal.

**Soalan 2(c)** menghendaki calon membincangkan hukum seseorang yang bermusafir, makan di tempat awam pada waktu siang dalam bulan Ramadan. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan tepat iaitu dilarang atau diharamkan. Hanya segelintir calon yang memberikan jawapan yang tidak tepat dengan menyatakan harus makan di tempat awam pada waktu siang hari bulan Ramadan kerana diberikan *rukhsah*. Namun begitu, sebahagian calon tidak menyatakan hukum asal makan di tempat awam pada waktu siang dalam bulan Ramadan bagi orang yang sedang musafir iaitu diharuskan. Kebanyakan calon juga mampu memberikan alasan yang munasabah bagi larangan tersebut seperti menimbulkan fitnah, boleh mencemarkan kesucian bulan Ramadan dan lain-lain. Jawapan yang sepatutnya ialah calon harus memberikan hukum berbuka puasa ketika musafir, hukum berbuka puasa di tempat awam, sebab larangan berbuka puasa di tempat awam pada bulan Ramadan disertai dengan kesimpulan.

## Soalan 3

**Soalan 3(a)** meminta calon menerangkan **tiga** bahagian *istishab* berserta contoh. Soalan ini tidak ramai dijawab oleh calon. Soalan ini tidak menjadi pilihan majoriti calon. Jawapan sepatutnya adalah *istishab* pada hukum asal sesuatu itu adalah harus seperti diharuskan makanan, minuman, tumbuh-tumbuhan. Jawapan yang lain, *istishab* asal sesuatu itu tiada tanggungjawab seperti seseorang yang didakwa berhutang tanpa sebarang bukti, maka orang yang didakwa itu tidak perlu membayar hutang dan dakwaan tersebut tidak diterima. Jawapan lain ialah *istishab* pada sifat yang telah sabit pada satu hukum syarak sehingga dibuktikan sebaliknya seperti bab bersuci yang telah sabit, maka akan kekal sehingga dibuktikan sebaliknya (yang membatalkan wuduk).

**Soalan 3(b)** menghendaki calon menghuraikan **tiga** dalil daripada mazhab Syafie yang menerima *istishab* sebagai sumber hukum. Kebanyakan calon hanya mampu mengemukakan satu dalil sahaja

atau memberikan huraian dalil sahaja. Antara dalil yang tepat bagi soalan ini adalah ما لأجد في ما أوحي إلي محرما على طاعم يطعمه إلا أن يكون ميتة أو دما مسفوحا أو لحم خنزير فإنه رجس أو فسقا أهل لغير الله به إذا شك أحدكم وهو في صلاته فينفر دبره ويريه أنه قد أحدث فإذا فعل ذلك فلا ينصرفن أحدكم حتى يسمع صوتا أو يجد ريحا, atau dalil ijmak iaitu jika seseorang berasa syak berada dalam keadaan suci, maka solat tidak boleh didirikan. Sebaliknya jika diragui *al-taharah* masih wujud, maka solat boleh ditunaikan.

**Soalan 3(c)** menghendaki calon membincangkan aplikasi *istishab* dalam situasi seperti yang berikut: “Seorang peniaga menjalankan perniagaan dengan seorang pemodal melalui kontrak *mudarabah*. Setelah beberapa ketika, peniaga tersebut mendakwa tiada sebarang keuntungan diperoleh sedangkan pemodal mendakwa sebaliknya”.

Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat sebagaimana kehendak skema pemarkahan. Calon perlu menjelaskan bahawa pengakuan peniaga diterima atau dakwaan pemodal di tolak. Ini adalah kerana asalnya keuntungan dalam perniagaan tidak ada.

## BAHAGIAN B: Kaedah Fiqh

### Soalan 4

**Soalan 4(a)** meminta calon menghuraikan kaedah fiqh اليقين لا يزال بالشك beserta contoh. Kebanyakan calon dapat memberikan sekurang-kurangnya pengertian bagi kaedah ini iaitu keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan. Namun kehendak soalan ini meminta calon menghuraikan kaedah dan sebahagian calon dapat memahami kehendak soalan dengan baik dengan membuat huraian kepada kaedah di atas. Kebanyakan calon juga mampu memberikan contoh dengan tepat walaupun ada sebahagiannya tidak membuat huraian contoh dengan lengkap. Bagi calon yang memberikan contoh tidak lengkap, mereka hanya mendapat satu markah untuk contoh. Jawapan yang sepatutnya ialah seseorang yang telah berwuduk kemudian dia ragu-ragu sama ada wuduknya masih ada atau sudah terbatal, maka dia dikira masih berwuduk.

**Soalan 4(b)** menghendaki calon menerangkan perkaitan kaedah الأصل براءة الذمة dengan permasalahan seperti berikut:

- i. Dakwaan untung oleh pemodal dalam akad *mudarabah* tetapi dinafikan oleh pengusaha.
- ii. Dakwaan kerosakan oleh pemilik barang simpanan terhadap penyimpanan.

Bagi soalan 4 (b) (i), soalan ini hampir sama dengan soalan 3 (c). Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik iaitu menyatakan dakwaan pemodal ditolak atau penafian pengusaha diterima. Tetapi sebahagian calon gagal memberikan alasan dengan tepat iaitu asalnya tiada keuntungan atau pengusaha tidak bertanggungjawab ke atas keuntungan.

Manakala bagi soalan 4 (b) (ii) berkaitan dakwaan kerosakan oleh pemilik barang terhadap penyimpanan, sebahagian calon dapat menjawab dengan tepat iaitu dakwaan pemilik barang di tolak atau dakwaan penyimpanan barang diterima.

**Soalan 4(c)** meminta calon menjelaskan hukum dan kaedahnya bagi situasi seperti yang berikut:

- i. Encik A meminjam komputer riba daripada encik B, tiba-tiba komputer riba itu rosak. Encik B meminta ganti rugi daripada Encik A.
- ii. Encik C telah didakwa melakukan jenayah dan dikehendaki bersumpah namun Encik C enggan.
- iii. Puan D berwuduk menggunakan air perigi selama beberapa hari. Pada hari berikutnya, dia mendapati ada bangkai burung merpati di dalam perigi tersebut.
- iv. Cik E telah bersahur namun dia syak telah terbit fajar. Walau bagaimanapun, dia tetap meneruskan puasanya.

**Soalan 4(c)** (i), berkaitan hukum dan kaedah fiqh, sebahagian calon mampu mengemukakan hukum dengan tepat iaitu *A* tidak wajib membayar ganti rugi berdasarkan kaedah الأصل برأة الذمة. Kaedah lain yang diterima ialah الأصل العدم.

**Soalan 4(c)** (ii) kebanyakan calon dapat memberikan hukum yang tepat berkaitan encik *C* didakwa melakukan jenayah dan dikehendaki bersumpah namun encik *C* enggan bersumpah. Kebanyakan jawapan calon menjelaskan encik *C* tidak perlu bersumpah atau encik *C* tidak bersalah atau encik *C* tidak dikenakan hukuman. Kaedah terbitan yang diterima sebagai jawapan bagi soalan ini ialah kaedah الأصل العدم dan الأصل برأة الذمة.

**Soalan 4(c)** (iii) sebahagian besar calon gagal memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang tepat dan diterima berdasarkan skema pemarkahan adalah sah wuduk puan *D* kecuali wuduknya yang terakhir. Kebanyakan calon hanya menjawab sah wuduk atau sah solat dan jawapan ini tidak diterima kerana tidak lengkap. Dari segi kaedah fiqh, kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang betul iaitu الأصل في كل حادث تقديره بأقرب الزمن.

Manakala bagi soalan 4(c) (iv), kebanyakan calon dapat menjawab hukum dengan tepat iaitu sah atau tidak batal puasa cik *E* atau cik *E* boleh meneruskan puasa. Calon juga mampu memberikan kaedah yang bersesuaian dengan permasalahan ini iaitu الأصل بقاء ما كان على ما كان أو لا يزال بالشك.

## Soalan 5

**Soalan 5(a)** meminta calon menerangkan maksud kaedah الضرورات تبيح المحظورات berserta dalil. Sebahagian besar calon dapat menerangkan pengertian kaedah dengan baik iaitu kemudharatan atau keadaan darurat mengharuskan perkara yang dilarang atau diharamkan. Kebanyakan calon memberikan dalil yang betul iaitu لا ضرر ولا ضرار.

**Soalan 5(b)** menghendaki calon memberikan **dua** contoh dan menghuraikan kaedah الضرر لا يزال بالضرر. Kebanyakan calon mampu memberikan maksud kaedah dengan tepat. Antara contoh tepat yang dikemukakan calon seperti seorang yang dalam keadaan kebuluran, tidak boleh mengambil atau mencuri makanan orang lain yang turut kebuluran dan seorang yang ingin menyelamatkan kebunnya tenggelam, tidak boleh mengalirkan air ke kebun orang lain yang akan menyebabkan kebun orang lain tenggelam.

**Soalan 5(c)** meminta calon membincangkan pensyariatian berdasarkan pernyataan “Akad *ijarah* dibenarkan dalam Islam. Walau bagaimanapun, akad tersebut bersalahan dengan hukum asal yang mewajibkan barang yang diakadkan itu wujud. Hanya sebahagian kecil calon berjaya menjawab soalan ini dengan tepat. Sepatutnya calon menjelaskan, akad *ijarah* diharuskan kerana merupakan keperluan manusia. Calon juga tidak mampu mendatangkan perkaitan antara persoalan yang diberikan dengan kaedah terbitan iaitu tujuan diharuskan akad *ijarah* adalah untuk memudahkan urusan manusia, meskipun keperluan tersebut tidak mencapai tahap darurat.

## Soalan 6

**Soalan 6(a)** meminta calon menerangkan kaedah استعمال النص حجة يجب العمل بها berserta contoh. kebanyakan calon mampu menerangkan pengertian kaedah dengan tepat, namun sebahagian kecil calon tidak mampu memberikan contoh yang tepat atau bersesuaian dengan kaedah. Jawapan sepatutnya ialah menjadi kebiasaan orang ramai membeli perabot dan kos penghantaran ditanggung oleh penjual.

**Soalan 6(b)** menghendaki calon menghuraikan kaedah terbitan yang sesuai untuk diaplikasikan bagi pernyataan: “Sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat di Malaysia bahawa sewa rumah yang dikenakan kepada penyewa oleh pemilik rumah tidak termasuk tanggungan bil air dan bil elektrik.” Hanya sebahagian calon sahaja mampu mengemukakan kaedah terbitan bagi persoalan di atas dengan



tepat. Kaedah terbitan yang diterima berdasarkan skema pemarkahan adalah التعيين بالعرف كالتعيين بالنص dan المعروف عرفا كالمشروط شرطا. Kaitan penting yang perlu dinyatakan oleh calon adalah berdasarkan uruf yang berlaku, tanggungan bil air dan bil elektrik adalah di bawah tanggungjawab penyewa dan bukannya pemilik rumah.

**Soalan 6(c)** meminta calon membincangkan kaedah كل ما ورد به الشرع مطلقا ولا ضابط له فيه ولا في اللغة يرجع فيه إلى العرف dan contoh pengaplikasiannya. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon tidak mampu menjawab dengan baik soalan ini. Maksud yang tepat bagi kaedah ini ialah semua perkara yang dibawa oleh syarak dalam keadaan mutlak dan tiada dasar yang menjelaskannya dari sudut syarak atau bahasa, maka ia dikembalikan kepada uruf. Antara contoh yang diterima adalah seperti dalam masalah kadar nafkah yang perlu diberikan oleh suami kepada isteri tidak ditentukan oleh syarak dan tiada penjelasan mengenainya, maka ia kembali kepada uruf iaitu berdasarkan kaya atau miskin seorang suami. Namun didapati kebanyakan calon tidak membuat huraian kepada contoh yang diberikan menyebabkan calon kehilangan markah.

# SYARIAH (930/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 2 276 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 79.23% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	17.36	9.67	10.19	9.80	11.91	12.87	7.43	6.20	3.47	4.48	6.63

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhan mutu jawapan calon pada tahap yang baik. Soalan yang dikemukakan sesuai untuk menilai calon kerana merangkumi pengujian tahap pengetahuan, pemahaman, kemahiran berfikir, aplikasi, dan analisis. Soalan pada tahun ini berada pada tahap sederhana dan sesuai dengan tahap calon serta tidak terlalu susah untuk dijawab. Istilah-istilah yang digunakan bersesuaian dengan tahap pengetahuan calon-calon STPM. Masa yang diperuntukkan mencukupi dengan jumlah soalan yang wajib dijawab oleh calon. Aras soalan juga bersesuaian dengan penguasaan dan pengetahuan calon, aras soalan ada yang rendah, sederhana, dan tinggi.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

### Soalan 1

**Soalan 1(a)** menghendaki calon menerangkan *sabab nuzul* ayat 34 – 35 surah al-Nisa'. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak dapat mengemukakan jawapan sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan.

Majoriti calon hanya mampu mendapat 3 markah sahaja daripada 4 markah. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Menurut satu riwayat, seorang wanita telah mengadu kepada Rasulullah SAW kerana ditampar oleh suaminya.
- Rasulullah SAW bersabda: “Dia mesti dibalas (*qisas*)” cara mendidik isteri yang curang.
- Setelah mendengar penjelasan ayat tersebut, wanita tersebut pulang dengan tidak melaksanakan *qisas*/Rasulullah SAW menghendaki sesuatu, tetapi Allah SWT menghendaki sesuatu yang lain.

**Soalan 1(b)** menghendaki calon menjelaskan empat langkah penyelesaian yang digariskan oleh syarak bagi menangani masalah *nusyuz* berdasarkan ayat 34 – 35 surah al-Nisa'. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjawab tidak mengikut turutan sebagai mana yang dikehendaki. Ini memberikan impak yang besar kepada markah yang diperolehi oleh calon kerana peruntukan markah untuk soalan ini agak besar iaitu 8 markah.

Kebanyakan calon yang memilih soalan ini dapat mengutarakan isi-isi penting yang berkaitan dengan baik seperti:

- Menasihati isteri dengan cara yang baik
- Jika tidak berubah, asingkan dari tempat tidur
- Jika tidak berubah, boleh memukul untuk tujuan mendidik
- Jika tidak berkesan, lantik hakam dari pihak suami dan isteri bagi menyelesaikan masalah *nusyuz*.

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian.

**Soalan 1(c)** menghendaki pelajar membincangkan pernyataan mengenai suami diberikan keutamaan dalam mengendalikan rumah tangga berbanding dengan isteri. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawabnya dengan baik.

Jawapannya ialah:

- Sifat lelaki yang lebih kuat
- Lelaki mempunyai tahap pemikiran yang lebih baik dalam membuat keputusan
- Lelaki mampu menangani emosi berbanding wanita
- Sudah menjadi fitrah semula jadi lelaki dilahirkan menjadi pemimpin

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian dan mesti diakhiri dengan kesimpulan.

## Soalan 2

**Soalan 2(a)** menghendaki calon menerangkan maksud (فمن اضطر غير باغ ولا عاد).

Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Antara jawapan calon ialah orang menegah umat Islam menyembah berhala dan beberapa jawapan yang lain. Kelemahan tersebut adalah berpunca daripada kegagalan calon memahami teks ayat yang diberikan. Jawapan yang sepatutnya bagi petikan ayat al-Quran di atas ialah:

“Sesiapa yang terpaksa memakan makanan yang haram, sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas”

**Soalan 2(b)** menghendaki calon menjelaskan empat kesan mengambil makanan haram menurut perspektif Islam. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Jawapan yang tepat ialah:

- Merosakkan hati dan rohani/menggelapkan hati/jiwa tidak tenteram
- Menjejaskan kesihatan
- Doa tidak dimakbulkan oleh Allah/ibadat tidak diterima/tidak diberkati
- Menghalang hidayah Allah SWT/ilmu susah dipelajari

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian.

**Soalan 2(c)** menghendaki calon membincangkan empat sebab Islam melarang sikap menyembunyikan kebenaran. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Jawapan yang tepat adalah seperti yang berikut:

- Kebenaran adalah hak Allah SWT
- Kebenaran adalah amanah dari Allah SWT
- Menghalang manusia lain dari jalan Allah/kebenaran
- Manusia akan terus berada dalam kesalahan dan kesesatan/kejahilan

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian dan mesti diakhiri dengan kesimpulan.

Tidak ramai calon yang dapat menjawab soalan ini. Jawapan mereka lebih kepada isu penipuan yang dilarang oleh Islam, menyebabkan timbulnya perpecahan dalam masyarakat dan fitnah berleluasa. Impak markah yang diperolehi oleh calon amatlah rendah kerana jumlah markah soalan 2(c) ini ialah 10 markah.

### Soalan 3

**Soalan 3(a)** menghendaki calon menerangkan dua fungsi laut dalam memenuhi keperluan manusia berdasarkan ayat 10 - 16 surah al-Nahl. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawabnya dengan tepat.

Jawapannya ialah:

- Diciptakan ikan dan makanan laut yang lain
- Diciptakan barang perhiasan dari laut seperti mutiara
- Laut menjadi laluan kapal membawa barang dagangan

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian

**Soalan 3(b)** menghendaki calon menjelaskan empat tujuan al-Quran menyebut pelbagai nikmat dalam ayat 10 - 16 surah al-Nahl. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapannya ialah:

- Supaya manusia berfikir dan melakukan kajian
- Supaya manusia memerhatikan tanda kekuasaan Allah SWT
- Supaya manusia sentiasa ingat kepada Allah SWT
- Supaya manusia bersyukur atas nikmat dengan mematuhi perintah Allah SWT.
- Supaya manusia menggunakan ciptaan Allah SWT sebagai panduan

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian

**Soalan 3(c)** menghendaki calon membincangkan tiga sebab ekonomi umat Islam mundur sedangkan mereka mempunyai sumber alam yang kaya. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Sesetengah jawapan pula adalah berulang antara satu sama lain. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Umat Islam tidak berpegang kepada ajaran Islam secara menyeluruh.
- Mereka diperintah oleh pemimpin yang korup.
- Musuh mencatur politik dan mengaut ekonomi mereka, lanjutan dari penjajahan.
- Kejahilan masih berleluasa dalam kalangan umat Islam.
- Tahap pencapaian ilmu umat Islam masih rendah berbanding bangsa Barat.

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian dan mesti diakhiri dengan kesimpulan.

Soalan 3 merupakan soalan kedua yang paling banyak dijawab oleh calon selepas soalan 1. Kebanyakan calon boleh menguasai tajuk ini dan dapat menjawab soalan dengan baik.

## BAHAGIAN B: *Hadis Ahkam*

### Soalan 4

**Soalan 4(a)** menghendaki calon menerangkan maksud *تقوى الله* berdasarkan hadis yang dikemukakan. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Maksud yang dikehendaki ialah:

- Takut dan mengharap
- Meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah SWT dan melaksanakan apa yang difardukan

**Soalan 4(b)** menghendaki calon menerangkan ungkapan hadis (وإن نظر إليها سرته). Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang kerap diberikan ialah isteri mestilah taat pada perintah suami, isteri hendaklah menuruti keinginan suaminya terutama memberikan layanan batin, dan isteri hendaklah pandai menjaga perasaan suami. Jawapan yang tepat ialah:

- Berhias dan memperelok rupa paras
- Menampilkan wajah yang ceria dan berseri
- Akhlak, tutur kata yang baik, layanan

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian.

**Soalan 4(c)** menghendaki calon membincangkan empat kesilapan yang sering dilakukan oleh para pemuda hari ini dalam memilih calon isteri. Walau bagaimanapun, terdapat jawapan yang diberikan berada dalam kategori yang sama. Ini mengurangkan markah yang sepatutnya yang diperolehi oleh calon. Contoh jawapan yang berulang atau di bawah kategori yang sama ialah mencari isteri tanpa melihat agamanya dan memilih calon isteri tanpa melihat akhlaknya.

Kedua-dua jawapan di atas adalah di bawah kategori yang sama. Begitu juga beberapa isi yang lain seperti pangkat, harta dan keturunan juga di bawah kategori yang sama. Walaupun calon dapat memberikan jawapan yang betul namun ia tidak semestinya boleh diberikan markah. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Mencari calon isteri berdasarkan rupa paras sahaja
- Mencari calon isteri tanpa melihat aspek keagamaan dan akhlaknya
- Mencari calon isteri tanpa menyelidik latar belakang/keturunan
- Mencari calon isteri berdasarkan harta/pangkat/darjat

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian dan mesti diakhiri dengan kesimpulan.

## Soalan 5

**Soalan 5(a)** menghendaki calon menyatakan empat bentuk jual beli yang ditegah oleh syariat Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Jawapannya ialah:

- Memintas rombongan dagang
- Jual beli atas belian orang lain
- Berpakat untuk mendapat harga yang lebih tinggi
- Menahan daripada memerah susu kambing agar kelihatan gemuk

**Soalan 5(b)** menghendaki calon menjelaskan empat sebab Islam melarang umatnya daripada melakukan jual beli seperti jawapan di (a).

Kebanyakan calon tidak memberikan jawapan sepertimana yang sepatutnya, dimulakan dengan isi dan diikuti dengan huraian.

Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Mempunyai unsur penipuan dan penindasan
- Mewujudkan perasaan tidak puas hati/sakit hati
- Menimbulkan pergaduhan dan permusuhan
- Menggalakkan masyarakat malas berusaha dan mendapatkan rezeki dengan cara yang mudah
- Memperolehi rezeki dengan cara yang tidak halal
- Menyebabkan berlaku kerugian kepada salah satu pihak
- Mengambil kesempatan daripada kekurangan orang lain

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian

**Soalan 5(c)** menghendaki calon membincangkan tiga bentuk penipuan eksploitasi moden yang diamalkan dalam perniagaan kini.

Kebanyakan calon melakukan kesilapan dengan memberikan bentuk penipuan cara lama bercampur dengan bentuk penipuan cara moden, sedangkan soalan hanya memfokuskan penipuan dan eksploitasi moden. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Pembungkusan yang mengelirukan
- Tanda harga yang tidak jelas
- Sijil halal palsu
- Caj tersembunyi
- Kualiti barangan tidak sama seperti yang dipamerkan
- Produk tiruan
- Promosi barangan murah dengan meletakkan harga yang terlalu mahal sebelum tawaran
- Barangan luput tarikh dijual dengan harga yang murah

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian dan mesti diakhiri dengan kesimpulan.

### Soalan 6

**Soalan 6(a)** menghendaki calon menerangkan perbuatan yang dilarang oleh Rasulullah SAW dan balasannya di akhirat. Kebanyakan calon dapat menerangkan maksud ungkapan dengan tepat.

Jawapannya ialah:

- Perbuatan: Menerima rasuah/hadiah ketika menjalankan tugas
- Balasan: Akan memikul unta atau lembu (harta) yang diselewengkan

**Soalan 6(b)** menghendaki calon menjelaskan empat langkah yang sesuai bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik.

Contoh jawapan calon ialah pihak atasan hendaklah mengenakan hukuman yang berat kepada pekerja yang menyalahgunakan kuasa, mengadakan kempen terhadap gejala rasuah, dan menguatkuasakan sistem undang-undang. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Seorang pekerja yang dilantik mestilah seorang yang amanah
- Majikan perlu sentiasa memantau pekerja di bawahnya
- Menegur pekerja yang melakukan kesalahan atau penyelewengan
- Mengingatnkan azab akhirat yang akan diterima sekiranya menyalahgunakan kuasa

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian.

**Soalan 6(c)** menghendaki calon membincangkan tiga faktor yang menyebabkan individu terlibat dengan gejala rasuah. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini tidak dapat menjawabnya dengan baik. Contoh jawapan calon ialah pengaruh rakan-rakan sekerja, terpedaya dengan hasutan syaitan, dan tiada siapa yang menegur dan lain-lain. Jawapan yang sepatutnya ialah:

- Kurang didikan agama
- Ingin hidup mewah/desakan hidup/cintakan dunia
- Lemah iman

Kesemua jawapan yang dikemukakan ini mesti disertai dengan huraian yang bersesuaian dan mesti diakhiri dengan kesimpulan.

# Laporan Peperiksaan **STPM 2018**



**SASBADI SDN. BHD.** (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) e-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,

68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

e-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)

ISBN 978-983-77-1298-0



9 789837 712980